



### SELAMAT HARI RAYA 'AIDIL ADHHA

BERIBU2 ORANG MEMBANJIRI LAPANGAN TERBANG BRUNEI

# D.Y.M.M. SELAMAT BERANGKAT

## MENGELILINGI DUNIA

**BERAKAS.**—Beribu2 orang dari berbagai2 bangsa telah membanjiri Lapangan Terbang Brunei pada petang hari Khamis 9 April, 1964 untuk mengucapkan "Selamat berangkat mengelilingi dunia" kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan rombongan serta juga mengucapkan "Selamat melanjutkan pelajaran di-United Kingdom" kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan juga kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-iringi oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan, Pegawai2 Istana dan sa-orang Chateria, ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed.

Dalam perjalanan ka-London, Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan adinda-nya, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Sa-lain dari itu sa-orang anakanda Yang Teramat Mulia

Duli Pengiran Pemancha, ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Yusof dan Yang Mulia Awangku Kamarulzaman, anakanda Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, telah juga berangkat ka-England untuk melanjutkan pelajaran di-sana bersama2 dengan kedua2 orang Putera2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Di-antara para pembesar negara dan lain2-nya yang telah berangkat ka-Lapangan Terbang Brunei untuk mengucapkan "Selamat berangkat ka-luar negeri" kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Putera2 Baginda ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei Y. T. U. Awang E. O. Laird; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mo-

hamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Ketua2 Jabatan2 Kerajaan; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Di-Raja, Kerajaan dan Negeri.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia menaiki kapal terbang yang membawa Baginda dan rombongan ka-Singapura pada

petang hari tersebut, Mufti Brunei, Sahibul Fadhilah Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah membacakan do'a selamat

Kemudian sa-orang Pegawai Masjid telah menyuarakan azan pada masa kapal terbang itu hendak "terbang" ka-udara menuju ka-Singapura.



Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar sedang meniarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Lapangan Terbang Brunei pada petang hari Khamis yang lalu sa-belum Baginda dan rombongan menguangi ka-luar negeri. Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud kelihatan dalam gambar ini sedang mengiringi Baginda.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang memberi ucapan di-majlis jamuan "Selamat Perpisahan" yang telah di-adakan di-rumah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha baharu2 ini.

### PEMANGKU SULTAN

**BANDAR BRUNEL.** — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah di-lantek menjadi Pemangku Sultan pada masa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin berada di-luar negeri.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-United Kingdom pada petang hari Khamis yang lalu dalam perjalanan Baginda mengelilingi dunia sa-lama dua bulan.

# MAJLIS PERPISAHAN ANJORAN PEGAWAI2 KERAJAAN UNTUK PUTERA2 D. Y. M. M.

"Malam ini memakan jagong —  
Malam besok memakan serai.  
Malam ini kita berkampong —  
Malam besok kita bercherai" —  
kata Awang Jaya.

**BANDAR BRUNEI.**— Pegawai2 Kerajaan di-Bandar Brunei telah mengadakan satu majlis jantuan perpisahan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah bertempat di-Dewan Kemasyarakatan pada malam 5 April.

Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei.

Majlis perpisahan itu di-mulai dengan baca'an do'a selamat oleh Kadhi Daerah Temburong, Awang Ishak bin Adam.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah telah berangkat ka-England pada petang 9 April untuk melanjutkan pelajaran masing2 di-sana.

Awang Jaya bin Abdul Latif, sa-laku Pengurus, Majlis Jamuan Perpisahan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah telah berucap bagi pehak Pegawai2 Kerajaan di-Bandar Brunei di-majlis itu.

Awang Jaya berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa sa-bagaimana para hadirin telah mema'lom bahawa "tujuan hamba Tuanku semua mengadakan jamuan ini ia-lah semata2 untuk memberikan SELAMAT BELAYAR kepada Yang Teramat Mulia kedua dan juga untuk berdo'a moga2 Yang Teramat Mulia SELAMAT KEMBALI ka-Tanah Ayer-nya.

"Keberangkatan Yang Teramat Mulia ka-United Kingdom ada-lah hamba Tuanku semua sambut dengan megah-nya, kerana hamba Tuanku semua per-chaya bahawa oleh sebab United Kingdom itu sudah di-anggap sebagai GEDONG ILMU PENGETAHUAN, maka sudah tentu-lah ra'ayat Brunei ini akan beruntung — beruntung kerana Yang Teramat Mulia akan berkesempatan untuk melengkap diri Yang Teramat Mulia untuk mengharongi SANDIWARA HIDUP yang akan di-tempohi oleh Yang Teramat Mulia.

"Bagi hamba Tuanku semua

yang tinggal sentiasa akan bertugas sebagai Pegawai2 Kerajaan untuk menjalankan pekerjaan yang di-tugaskan kepada hamba Tuanku semua. Dalam hal ini hamba Tuanku semua menyedari bahawa hamba Tuanku semua tidak boleh melarikan diri dari membeban tanggong2 jawab, walau betapa besar sekali pun hasrat hamba Tuanku untuk itu, kerana sebagai menjalankan kelichinan dan keamanan Pentadbiran Negara demi kesentosaan, keamanan dan kemajuan negara kita."

Selanjut-nya dengan sedeh-nya Awang Jaya berpanton "Malam ini memakan jagong; malam besok memakan serai. Malam ini kita berkampong; malam besok kita bercherai."

Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah membalas ucapan itu dengan kata2 yang berharga.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota berkata antara lain "Adinda Beta Pengiran Muda Mohamed Bolkihah dan Beta dengan

sukachita mengucapkan ribuan terima kasih atas do'a dan ucapan selamat yang mengandongi nasehat yang membayangkan sabagai bukti tanda kasih tuan2 yang di-hormati, yang Beta insa' Allah sangat menghargakan dan tidak akan melupakan-nya."

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota selanjut-nya berkata, "Beta berdua mengucapkan SELAMAT TINGGAL kepada tuan2 yang di-hormati sekalian untuk SEMENTARA WAKTU untuk kami belajar dan sekali lagi mengucapkan terima kasih atas jamuan yang sangat permai yang di-adakan untuk Beta berdua."

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, dengan di-iringi oleh Y. T. Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkihah telah menemui para hadirin di-Dewan Kemasyarakatan itu, sambil sekalian-nya telah mengucapkan selamat berpisah kepada kedua2 orang Putera2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Ahli2 Jawatan Kuasa Majlis Perpisahan tersebut mengandongi Awang Abidin bin Abdul Rashid (Pengurus), Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Awang Jaya bin Abdul Latif, Awang Johari bin Abdul Razak, Awang Hussin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusof, Dayangku Intan binti Pengiran Apong dan Awang Anthony Chin.

## "DI-TANGAN GURU2-LAH TERLETAK BERIBU2 JIWA . . . . ."

**SENGKURONG.**—Di-tangan guru2-lah terletak beribu2 jiwa dan mereka-lah yang bakal menentukan ka-arrah mana tujuan hidup orang2 yang mereka pimpin. Demikian kata Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Mohamed Zain Haji Saruddin.

Awang Mohamed Zain telah melafadzkan kata2 tersebut ketika memberi ucapan bagi pehak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei di-majlis pembukaan perjumpaan Guru2 Ugama Daerah Tutong di-Sekolah Ugama Sengkurong pada pagi 4 April.

Oleh yang demikian, kata Awang Mohamed Zain, sa-saorang guru hendak-lah mensifatkan diri-nya sa-bagai bapa bagi kanak2 lelaki dan sa-bagai emak bagi kanak2 perempuan yang penoh kasih sayang kepada anak2-nya.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Mohamed Zain telah menyeru kepada guru2 supaya mereka lebeh giat lagi menyempurnakan tanggong jawab masing2 yang beliau sifatkan sa-bagai "pemimpin yang besar arti-nya dan penoh dengan

tanggong jawab".

Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan majlis perjumpaan guru2 ugama tersebut.

## Pancharagam Pulis Brunei

**BANDAR BRUNEI.**— Pancharagam Pulis Brunei di-bawah arahan Pengarah-nya yang baharu, Awang G.R. Crowhurst telah mengadakan satu perseni-bahan musik bertempat di-Tempat Pancharagam Pulis di-sin pada malam 3 April yang lalu.

Di-antara ramai para hadirin di-temasha tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha; Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggerris di-Brunei, Awang E.O. Laird; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof dan lain2-nya.

Sa-lepas di-adakan temasha tersebut, para jemputan yang hadir di-temasha itu telah di-ra'ikan di-satu "majlis makan kecil" oleh Pesuruh Jaya Pulis Brunei, Awang A.W.J. Slater di-Rumah Aman, ia-itu tempat kediaman beliau.

## Ka-Kuala Lumpur

**BERAKAS.**— Ketua Nadhir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Husain bin Mohamed Yusof telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 31 Mach, 1964 untuk menghadiri Seminar Asrama2 Belia Antara Bangsa, bagi Kawasan Asia.

Seminar tersebut di-adakan di Kuala Lumpur mulai dari 3 April hingga ka-11 April. Ini-lah pertama kali Negeri Brunei menghantarkan wakil untuk menghadiri seminar itu.

Pengurus majlis perjumpaan tersebut, Awang Mahale bin Haji Abdullah menyatakan bahawa tujuan utama mengadakan perjumpaan tersebut ia-lah untuk mengeratkan lagi perpaduan di-antara guru2 ugama di-Daerah Tutong di-mana dapat-lah mereka membincangkan mengenai chara2 pengajaran Ugama Islam supaya lebeh berkesan di-kalangan penduduk2 di-negeri ini.



Satu majlis menyerahkan bangunan Sekolah Melayu Kampong Putat yang di-bina oleh penduduk2 kampong itu kepada Jabatan Pelajaran Negeri Brunei telah di-adakan baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan murid2 dan guru2 Sekolah itu serta lain2 orang di-hadapan sekolah tersebut.

# KEWAJIPAN RA'AYAT DI-BRUNEI DEMI UNTOK PERPADUAN

**KUALA BELAIT.**— Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata bahawa ada-lah menjadi kewajipan ra'ayat di-negeri ini supaya berbaik2 di-kalangan mereka, bukan hanya Islam sesama Islam, bahkan meliputi segala bangsa demi untok perpaduan dan menchipta keamanan dan kemakmoran negara.

Ketika beruchap merasmikan pembukaan Majlis Sharahan Ugama yang telah di-langsungkan di-Padang Besar, Kuala Belait pada petang 5 April, Pengiran Momin telah juga menyeru seluruh kaum muslimin supaya mendalami pengetahuan agama yang bakal membawa mereka ka-arrah kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sementara itu, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin, Timbalan Kadhi Besar, Brunei yang menjadi pensharah utama di-majlis tersebut antara lain berkata, berkembang-nya Ugama Islam di-negeri ini dengan bagitu pesat ada-lah dengan kesedaran umat Islam sendiri di-samping kesan dari tindakan Kerajaan Brunei merasmikan Ugama Islam sa-bagai agama rasmi negeri ini.

Di-samping membentangkan tindak-tandok pemimpin Islam zaman permula'an Islam dan perkembang2 ugama Islam di-dunia hari ini, beliau juga menyeru seluruh umat Islam supaya menyedari akan tanggung-jawab mereka terhadap ugama, bangsa dan tanah ayer.

Awang Mohamed Zain juga membayangkan rasa kesal-nya atas sa-tengah2 umat Islam yang hanya mempelajari Ugama Islam hanya sa-paroh jalan sahaja dan bahaya2 yang mungkin tim-

## PEGAWAI2 BAHARU M. P. K.

**SERIA.**— Pegawai2 baharu Majlis Perkhidmatan Kaum Daerah Belait yang telah di-lantek dalam satu mashuarat baharu2 ini; ada-lah seperti berikut :—

**Pengurus** — Awang P.D. Graham. **Naib Pengurus** — Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Syed Mashor. **Setia Usaha** — Awang V. Abdul Salam. **Penyimpan Wang** — Awang Bohari bin Ali. Pegawai atas nama jawatan — Pegawai Daerah Belait atau wakil beliau.

**Ahli2 Jawatan Kuasa** — Puan R.F. Coggins, Tuan Haji Marusin bin Abdullah, Tuan Syed Mashor dan Pehin Bendahari China, Awang Hong Kok Tin.

## Melawat Pusat2 Perchubaaan Tanam2an

**KILANAS.** — Sa-ramai 10 orang lagi, petani dari Daerah Temburong yang terdiri dari kaum ibu telah mengadakan lawatan sambil memerhati ka-Pusat2 Perchubaaan Tanaman dan

bul serta akibat2 yang akan mereka perolehi di-kemudian hari kelak.

Dalam sharahan beliau yang



Beberapa orang kaum ibu tani dari Daerah Temburong telah melawat ka-Pusat Perchubaaan Tanam2an Kilanas baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan para pelawat itu semasa ka-tempat itu.

## Jalan2 Raya Yang Baru Siap Di-Bena

**TUTONG.**— Sa-batang jalan raya yang berharga kira2 \$3,000, panjang-nya sa-tengah batu dari Kampong Bukit Udal ka-Kampong Sungai Damit telah siap di-bena dalam bulan Mach yang lalu.

Sa-batang lagi jalan raya kecil, panjang-nya kira2 3 batu, di-Kampong Sembatang menuju ka-Kampong Kelamang dan Kampong Sentol sekarang ini ada-lah dalam pembenaan.

Menurut penerangan Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Yunus bin Hussein, dengan adanya jalan2 raya yang boleh dilalui oleh kereta2 itu, maka akan bertambah-lah kemudahan dan kemajuan di-kampong2 yang berdekatan di-Daerah Tutong.

Beliau menyeru kepada orang ramai supaya mereka menggunakan jalan2 yang baharu itu yang akan memberi faedah kepada mereka.

Sa-lain dari itu, kata Awang Yunus, sa-banyak empat buah jambatan yang berharga kira2 \$8,000 di-Kampong Sungai Damit, Bukit Rambai dan Bukit Sulang telah siap di-bena dalam bulan lepas.

Beliau menambah-kata bahawa penduduk2 di-Kampong Sengkarai dan Kuala Tutong akan mempunyai tempat membuang najis

Ternakan di-Kilanas dan Jerudong.

Ini, ada-lah rombongan ke-3, yang membawa kira2 50 orang kaum Tani di-daerah itu melawat ka-pusat2 tersebut.

memakan masa kira2 sa-jam itu, beliau juga menyentoh pemimpin2 ra'ayat di-negeri ini dan menyeru mereka supaya mereka "memimpin dengan berdasarkan ajaran2 al-Koran."

Majlis serupa, itu telah juga di-adakan di-Mesjid Kuala Belait pada malam 5 April dan beratus2 umat Islam yang terdiri dari kaum ibu, kaum bapa dan kanak2 telah membanjiri di-ke-dua2 majlis tersebut.

## Ranchangan Kemajuan Di-Temburong

**BANGAR.**— Pegawai Daerah Temburong, Awang Matnoor MacAfee menyatakan bahawa Ranchangan Kemajuan untok orang2 kampung di-Daerah Temburong telah pun berjalan sejak beberapa bulan yang lalu terutama sa-kali dalam bidang pertanian.

Berthabit dengan ranchangan lawatan2 ketua2 kampung dan kaum ibu di-daerah tersebut ka-Pusat2 Perchubaaan Tanaman dan Teranakan, di-Kilanas dan Jerudong, Awang Matnoor berkata bahawa ranchangan tersebut terbit dari permintaan ketua2 kampung di-daerah itu yang berchita2 untok meningkatkan lagi taraf pertanian negara.

Kata-nya, chita2 seperti ini ada-lah sangat2 di-hargai oleh Kerajaan Brunei dan Kerajaan ada-lah bersedia untok memberi galakan demi mengingatkan terjamin-nya perekonomian ra'ayat di-negeri ini pada masa hadapan.

Awang Matnoor menambah kata, Daerah Temburong telah pun membuat perhubungan dengan Jabatan Pertanian Negara untok memberikan kemudahan2 supaya mendapatkan jentera2 pertanian untok di-gunakan oleh kaum2 tani di-daerah tersebut.

## Parajurit2 Balek

**BANDAR BRUNEI.** — Seramai 49 orang anggota2 Askar Melayu Brunei telah kembali ka-Brunei dari Perkhemahan Siginting baharu2 ini untok berchuti di-Tanah Ayer.

Ramai keluarga dan sahabat-handai parajurit2 tersebut telah menyambut mereka di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada masa ketibaan mereka dengan kapal laut dari Labuan.

## WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15 April hingga ka-hari Khamis 30 April, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini :—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
15	4.47	5.02	12.27	3.42	6.32	7.44
16	4.47	5.02	12.26	3.41	6.31	7.43
17	4.46	5.01	12.26	3.41	6.31	7.43
18	4.46	5.01	12.26	3.41	6.31	7.43
19	4.46	5.01	12.26	3.41	6.31	7.43
20	4.46	5.01	12.26	3.41	6.31	7.43
21	4.45	5.00	12.25	3.40	6.31	7.43
22	4.45	5.00	12.25	3.40	6.31	7.43
23	4.44	4.59	12.25	3.40	6.31	7.43
24	4.44	4.59	12.25	3.40	6.31	7.43
25	4.44	4.59	12.25	3.40	6.31	7.43
26	4.43	4.58	12.24	3.39	6.31	7.43
27	4.43	4.58	12.24	3.39	6.31	7.43
28	4.43	4.58	12.24	3.39	6.31	7.43
29	4.43	4.58	12.24	3.39	6.31	7.43
30	4.42	4.57	12.24	3.39	6.31	7.43

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

## Kebudayaan Sa-pintas Lulu VI:

## KEBUDAYAAN YANG KITA AMALKAN

**S**A-PINTAS lulu tiga peringkat kebudayaan kita yang di-amalkan di-Brunei ini — asli, keugamaan dan moden (champonan) — boleh-lah kita peturunkan dengan mengambil sa-banyak sadikit chontoh.

Mithal-nya dalam bidang kebudayaan asli saperti dalam istiadat2 sa-masa :

◆ Baharu lahir (bagi sa-orang anak), terlebih dahulu anak itu hendak-lah di-chuchi atau di-bersekan dan kemudian di-bedong dengan kain yang khas yang telah di-sediakan; di-buat dalam dulang dan kemudian dibagikan. Tebuni-nya di-bersekan, di-buat dalam bayong kechil untuk di-buang atau di-gantong di-bawah rumah (bagi sa-tengah rumah2 dikampong ayer).

Konon-nya orang yang membuang (atau menghanyutkan) tebuni itu di-tegah menauleh atau menjeling, kerana kalau berbuat demikian anak itu nanti akan menjadi juling.

Bagi ibu anak itu pula 'adat mandi sa-lepas tiga, tujuh dan 40 hari ada pula di-buat. Bagi isteri yang julong2 kali bersalin (mendaring) ada pula peratoran2 istimewa apakala menjalani 'adat mandi 40-hari itu.

◆ Umor anak itu meningkat besar, 'adat2 berpapat jambol (potong rambut), berkhatan, mandi muda (bagi anak perempuan yang meningkat umur akil-baligh), berkhatam (ia-itu sesudah tamat mengaji Quran).

◆ Berkahwin (sa-belum dan sa-lepas) pula ada mempunyai berbagai2 istiadat yang tersendiri dan terasing menurut kelaziman keturunan orang itu.

## PANCHAK SILAT

Mithal-nya beberapa hari sa-belum hari perkahwinan, di-tempat kedua2 pehak pengantin ada di-adakan istiadat berjaga2 dengan berbagai2 permainan saperti permainan2 chator, dam, chongkak, pasang, sekupong dan lain2 lagi dengan tujuan untuk memaramai dan merayakan bagi menambahkan lagi meriah suasana istiadat perkahwinan itu.

Ada juga kala-nya sa-tengah2 orang mengadakan upacara panchak silat, tari menari, dan bagi perjagaan kaum perempuan pula mereka beramai2 sama ada sa-sama mereka atau di-sertai oleh pemuda2 dengan sombangan bunyi2an dan lagu asli saperti bernaindong, beranding, berdundang, dan lain2 lagi.

Sa-belum itu pula telah di-adakan 'adat berjarum2, bersuroh, menghantar tanda, menemui tanda, menghantar pertunangan, dan istiadat menunggu tunang.

Kemudian baharu-lah di-adakan istiadat2 "masuk berbedak," berinai, dan menghantar "barinan," dan akhir-nya sampai-lah

kapada masa yang di-tunggu2 ia-itu istiadat2 akad nikah dan bersanding.

Kadang2 ada sa-tengah orang melangsungkan kedua2 istiadat itu dalam sa-hari dan ada juga yang melangsungkan istiadat nikah itu sa-hari atau beberapa hari terdahulu dari istiadat bersanding.

Sa-takad ini ada lagi istiadat2 harus di-pegang saperti istiadat "berambil2an", muleh (balek) tiga hari, dan sa-terus-nya sa-masa mula2 mendapat anak sa-long hingga sa-lepas 40 hari anak itu di-lahirkan.

◆ Raja mengengerahi nama (menggeleri) orang besar2, ada dengan 'adat istiadat-nya menu-

rut peringkat gelaran (bacha buku 'Adat Istiadat Diraja yang di-susun oleh P.M. Yusuf).

◆ Sultan berangkat sa-chara beradat dengan menggunakan peralatan kebesaran Diraja dan perhiasan Diraja (juga bacha buku di-atas).

◆ Membayar niat atau bernazar. Ini kalau di-pandang dari segi Ugama, banyak 'adat istiadat yang maseh di-amalkan itu bertentangan dengan faham Islam.

Sa-lain dari itu ada juga kebudayaan2 asli saperti dalam bidang bunyi2an dan nyanyi2an saperti "kayoh lanang", "adai2 naindong", "si-dang batikus", nohat Diraja, gulintangan, dan lain2, maseh menjadi amalan kita sejak beratus2 tahun dahulu.

Dalam masa kematian ada juga 'adat istiadat-nya yang tersendiri dan terasing.

Saperti 'adat "makan tahun" (bacha Pelita Brunei keluaran 20 Mei, 1959), "makan-aul" atau kadang2 kita panggil "makan arwah", dan "begawai" juga adalah salah satu kebudayaan asli kita.

Dalam bidang kebudayaan keugamaan pula boleh-lah juga kita ambil beberapa mithal:

i. Sa-waktu melangsungkan perkahwinan ada di-adakan istiadat 'akad nikah. Ada berbagai2 chara di-dapati di-amalkan kita sekarang ini.

Sa-tengah2-nya ada di-lakukan di-tempat pengantin bini (perempuan) beberapa hari sa-belum atau di-hari

TIGA PERINGKAT  
Asli, Keugamaan dan Moden

persandingan. Orang2 yang menikahkan biasa-nya terdiri dari salah satu pehin2 (pegawai2 mesjid<sup>1</sup>) kadhi2, dan ada juga yang lain dari itu ia-itu orang yang telah di-beri taulliah oleh kerajaan.

ii. Istiadat "MENAMAT" (Khatamaul-Quran) ia-itu meraikan waktu tamat membacha 30 juz kitab suchi Al-Quran dengan mengadakar istiadat bersendiri atau "istiadat menumpang."

## MENEMUI GURU

Istiadat menumpang itu sama ada di-kala orang yang akan menamat itu sendiri melangsungkan perkahwinan atau sengahja di-kenakan waktu-nya dengan saudara (biasa-nya berhampiran)

b) di-adakan juga istiadat memuji2 Junjongan kita ini sa-waktu mengadakan istiadat2 masuk berbedak, berpachar (berinai), dan waktu berkhatan.

vi. Istiadat BERTADRUS. Ini di-adakan sa-panjang dalam bulan Puasa. Sa-tengah2-nya ada yang mengadakan istiadat khatam ul-Quran bagi ini dua kali dan ada juga hanya sa-kali ia-itu pada penghujung bulan itu.

vii. Istiadat sa-masa kematian, sa-lain dari tahlil dan do'a arwah, ada juga di-adakan membacha Quran (dari juz yang pertama hingga akhir) yang di-lakukan oleh hadhirin masing2 dengan baha-gian-nya.

\* \* \*

Dalam bidang kebudayaan moden pula dapat kita lihat dengan jelas sa-makin sa-hari sa-makin bertambah dan melcbebar, sama ada berchorak kebudayaan champonan mau pun berchorak moden atau yang mendatang (asing).

Jika di-pandang sa-chara kasar, walau pun ada sa-tengah2-nya terkeluar dan menchabul kebudayaan tulin, ada juga baik-nya dari berbagai2 segi dan jurusan. Dari jurusan ekonomi ada banyak kebaikan-nya.

Antara kebudayaan2 moden ialah :

I. Majlis2 mera'ikan kedatangan dan perpindahan —  
a) rasmi (formal),  
b) tidak rasmi (informal), dan  
c) bebas (biasa saja).

Ini pula ada berbagai2 chara mengadakan-nya:

i. Di-rumah2 sendiri atau per-satuan.  
ii. Di-hotel, kedai atau di-restaurant2.  
iii. Di-pantai (sambil berkelah).  
Tentang jenjs2 jamuan pula

## HIDANGAN TAMBUL

ada-lah terbahagi kapada berbagai2 macham saperti "jamuan makan besar", "makan kechil", majlis makan sati, majlis minum teh, majlis makan berserak, hidangan tambul, hidangan juadah, dan lain2 lagi.

II. Merayakan hari lahir (hari di-peranakan).

III. Majlis perkahwinan sa-chara rengkas (yang di-lakukan dengan unsur2 baharu—menurut aliran zaman). Ini terdapat dalam segi menggunakan pakaian, perhiasan, dan peratoran2 yang kebanyakan-nya berbau "Barat."

Ada sa-tengah orang mengadakan istiadat bersanding lebeh (Lihat Muka 5)

## OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

atau orang lain yang akan melangsungkan perkahwinan.

iii. Istiadat kahwin cherai (dan ini ada-lah menurut dalam hukum dan peratoran2 shara').

iv. Istiadat hendak menunaikan fardhu Haji. Orang yang hendak pergi menunaikan fardhu Haji terlebih dahulu hendak-lah menemui guru atau orang yang pandai untuk mempelajari hukum2 dan atoran2 yang bersangkutan dengan pengerjaar Haji itu.

Dulu-nya biasa di-buat sa-tahun sa-belum orang itu bertolak ka-Mekah.

Beberapa hari sa-belun bertolak meninggalkan kampong halaman, di-rumah orang yang akan pergi menunaikan fardhu Haji itu sentiasa-lah ramai di-kunjongi oleh keluarga dan sanak saudara serta sahabat handai sa-bagai merayakan kepergian ka-tanah suchi itu.

Hadah2 dan chendara mata juga ada di-berikan dan ada sa-tengah2 orang berkirim berbagai2 barang dan duit untuk di-sedekahkan di-Mekah. "Upah Haji" dan kikh juga ada yang berkirim untuk di-lakukan di-Mekah.

v. Istiadat Berzikir.

a) di-jadikan untuk "niat" dan perayaan untuk menyambut hari lahir Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w.

# D. Y. M. M. BERTITAH BAHAWA BAGINDA SUKACHITA MELIHAT SUASANA DALAM NEGARA KEKAL DALAM AMAN

**BANDAR BRUNEI.**—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah melalui Radio Brunei sa-belum Baginda mengunjung ka-luar negeri baharu2 ini bahawa Baginda merasa sukachita melihatkan ia-itu suasana dalam Negeri Brunei kekal dalam aman dan perkembangan ekonomi sedang maju.

"Ini ada-lah satu perkara yang mana Kerajaan Beta sangat2 mementingkan-nya dan Kerajaan Beta juga menaruh tidak kurang kepentingan-nya terhadap kehendak bagi perkembangan Perlembagaan.

"Barang sudah tentu kejadian2 yang mendukungkan yang telah berlaku dalam bulan Disember, 1962 itu telah menghalang kemajuan ka-arrah kedua2 lapangan ini, akan tetapi sekarang tiba-lah masa-nya manakala langkah2 yang tertentu selanjut-nya boleh di-ambil untuk mencapai tujuan2 Kerajaan Beta hendak mendampingi ra'ayat Beta lebeh2 lagi rapat dengan pertadbiran Negeri kita.

"Dari tarikh mula-nya Perlembagaan di-perkuat kuasakan, telah sentiasa menjadi hasrat Beta supaya di-jalankan langkah se-chara beransor2 untuk mengadakan badan2 perwakilan di-dalam Negeri," titah Baginda.

"Maka dengan mengikut desar yang telah di-ishtiharkan ini, Kerajaan Beta berchadag hendak mengemukakan di-Majlis Meshuarat Negeri yang akan datang

Kerajaan Beta untuk mencapai tujuan mengadakan sa-buah Kerajaan yang tegoh dan di-wakili oleh ra'ayat bagi faedah keseluruh Negeri.

"Beta tidak fikir bahawa disa'at ini Beta akan dapat menyatakan satu persatu pada membutirkan rancangan bagi perkembangan perlembagaan yang di-chadangkan oleh Kerajaan Beta itu. Tidak beberapa lama selepas sekembali Beta ka-Brunei hal ini akan di-umumkan kepada pengetahuan ra'ayat Brunei dan Beta berharap shur2 ini akan di-timbangkan dengan teliti-nya dan di-rundingkan sepenoh2-nya oleh Majlis Meshuarat Negeri. Walau bagaimanapun boleh-lah Beta menyebutkan bahawa rancangan2 ini ada-lah bertujuan untuk membentok semula susunan2 Kerajaan bagi maksud mencapai lebeh luas lagi kerapihan pertadbiran

Kerajaan dengan memulehkan semula satu badan yang di-pilih di-dalam Majlis Meshuarat dalam masa yang tidak beberapa lama lagi. Ini merupakan satu langkah yang pertama tetapi mustahak dalam memperkembangkan badan2 perwakilan di-dalam Kerajaan Negeri Beta. Sebagaimana yang telah Beta sebutkan dahulu, kemajuan siasah yang akan mendatangkan faedah kepada Negeri hendak-lah di-satukan dengan kemajuan ekonomi dan Kerajaan Beta sangat mementingkan kepada perkara melateh anak2 Brunei supaya membolehkan mereka menjalankan tanggung jawab mereka dengan chara yang terator. Ada-lah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk membuat segala yang boleh bagi menghasilkan tujuan2 itu.

"Beta amat sukachita berpejuang beruchap kepada tuan2 dan Beta berharap dengan penuh keyakinan bahawa Beta akan dapat menyaksikan kemajuan yang terus menerus di-dalam kedua2 lapangan perkembangan siasah dan ekonomi di-dalam Negeri apabila Beta kembali ka-Negeri ini kelak.

satu rancangan bagi kemajuan siasah. Rancangan ini Insha Allah akan membayangkan pada membuktikan tentang kehendongan Kerajaan Beta terhadap kebahagiaan dan kema'amoran penduduk Negeri Brunei. Segala peluang akan di-beri kepada ra'ayat Brunei menerusi wakil2 mereka di-dalam Majlis Meshuarat Negeri untuk merundingkan rancangan2 yang berperlembagaan ini dan Beta yakin bahawa ra'ayat Beta akan memberi kerjasama mereka dengan

## MENDAPAT TAULIAH PEGAWAI PENGAKAP



Ketua Pengakap Negeri Brunei, Yang Terutama Awang E. O. Laird kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan Surat Tauliah lantikan Pegawai Pengakap kepada Awang Abdi Manaf bin P. H. A. Bakar di-Majlis Perjumpaan Pengakap2 di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 27 Mach, 1964. Di-tengah ia-lah Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Awang P. A. Coates.

## Pemangku Pegawai Kehutanan Negara

**BANDAR BRUNEI.**—Awang Zainal Abidin bin Bendahari Mohammad, sa-orang Pegawai Kanan di-Jabatan Kehutanan Negeri Brunei, telah di-lantek baharu2 ini menyandang jawatan sa-bagai Pemangku Pegawai Kehutanan Negara, Brunei.

Awang Zainal Abidin telah berkhidmat di-Jabatan Kehutanan Negeri Brunei semenjak 31 tahun dahulu. Beliau mengantikan tempat Inche Ja'afar bin Hassan yang telah kembali ka-Malaya sa-lapas tamat perkhidmatan-nya di-Negeri Brunei.

## KEBUDAYAAN SA-PINTAS LALU VI

(Dari Muka 4)

dari satu kali kalau perkahwinan di-adakan di-luar negeri.


Perkahwinan sa-chara ringkas juga ada di-langsongkan dengan hanya istiadat "nikah". Ini terdapat kebanyakannya di-kalangan perkahwinan antara orang2 yang kahwin buat kli kedua atau ketiga atau bagi sa-tengah2 teruna dan dara yang "di-tangkap basah".

IV. Merayakan sambutan Tahun (Masehi atau Islam) Baharu.

Perayaan demikian di-adakan oleh kumpulan2 saperti persatuan2 atau badan2 kemasyarakatan untuk mengingati lahir-nya tahun baharu dan merenong kepada tahun yang berlalu.

V. Perayaan untuk menyambut kedua2 Hari Raya ('Aidil Fitri dan 'Aidil Adhha). Ini ada-lah juga bersangkut paut dengan U gama atau kebudayaan keagamaan. Hanya chara orang2 kita menyambut-nya berbentuk moden.

## BAHAYA LALU LINTAS.



(BERSAMBONG)

*Perkhalaf Ahmad Shafiq, Lubisoon M. Salleh, Ibrahim.*

# KERJA-KERJA KOSONG

## Penghantar Saman/Bailip Mahkamah

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau orang2 yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah, di-Jabatan Kehakiman, Kuala Belait.

### Kelayakan2 :

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI dalam Sekolah Melayu dan Darjah IV dalam Sekolah Inggeris.

**Gaji :** Dalam sukatan gaji \$183x7-211-220 x 10-260-280-290-300 sa-bulan.

Pemohonan2 mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 2 Mei, 1964.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

## PEON

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

### Kelayakan :

Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

**Gaji :** Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4-5-6 \$143x3-158-160-180x4-200.

Pemohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 April, 1964.

## PEGAWAI2 MUBALIGH

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei yang beragama Islam atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat DYMM Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pegawai Mubaligh di-Jabatan Hal-Ehwal Uagama, Brunei (4 jawatan kosong).

### Kelayakan2:

(a) Umor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun.

(b) Tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

(c) Di-utamakan orang yang tahu bahasa puak di-Brunei selain daripada Bahasa Melayu.

(d) Mempunyai pengetahuan Uagama serba-sedikit.

**Tugas :** Chalon2 yang terpi-

leh akan menjalani latehan2 yang sawajar-nya sa-belum bertugas bangan Ugama Islam di-sana di-pendalaman untuk mengem-

**Gaji :** Dalam sukatan gaji \$183 x7-211-220x10-260-280-290-300 sa-bulan.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu. Pemohonan2 mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Uagama, Brunei, tidak lewat dari 30 April, 1964.

## PEGAWAI PENAKSIR RUMAH

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pegawai Penaksir Rumah di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

### Kelayakan2 dan Pengalaman :

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kira-mengira mengenai penilaian chukai rumah yang dikenakan oleh Jabatan Bandaran.

**Gaji :** Dalam tingkatan gaji \$570x30-750 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### Sharat2 Lantekan :

Chalon yang berjaya yang bukan rayaat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrak selama tiga tahun termasuk-lah enam bulan masa perchubaaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap, setelah menamatkan masa perchubaaan selama tiga tahun.

### Baksis :

Chalon yang di-lantek sechारा berkontrak akan di-bayar baksis sa-banyak 12½% dari gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhid-

mat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 April, 1964.

## PENYELENGGARA SETOR

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

**Gaji :** Dalam sukatan gaji E.1-2-3 \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-

## Pegawai Latehan Pertadbiran

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 Melayu yang di-peranakan di-Brunei serta menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan dan yang mempunyai "Overseas School Certificate" atau darjah yang serupa untuk di-lantek menjadi Pegawai Latehan Pertadbiran Brunei.

Chalon2 mesti-lah menchapai umur yang ke-delapan belas tahun dan tidak boleh lebeh dari 27 tahun.

### Tingkatan Gaji :

"Cadets" — \$290-310-330.

"Time scale Grade II" — \$580x30-940.

"Time scale Grade I" — \$1000x40-1360.

### Sharat2 :

Pemohon2 yang di-pilih akan di-lantek sechारा perchubaaan selama tiga tahun. Sebelum ditetapkan di-dalam jawatan mereka, chalon2 ada-lah di-kehendaki lulus pepereksaan2 yang tertentu dalam Undang2 dan "General Orders".

Pemohonan2 daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat mesti-lah di-kirim melalui Ketua Pejabat masing2.

Sampol surat yang berisi permohonan, mesti-lah bertanda "Permohonan bagi B.A.S." di-atas se-belah kiri sampol.

Salinan2 Sijil dan Surat Akuan sahaja yang mesti di-sertakan.

Pemohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei lewat dari 30 April, 1964.

timbangkan :—

(a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 3 tahun dalam kerja setor.

Pemohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 April, 1964.

## PEMANDU MOTOR SANGKUT

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Jabatan Hal-Ehwal Uagama, Brunei.

### Kelayakan2 :

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun

(ii) Mesti-lah lulus Darjah IV Sekolah Melayu.

(iii) Mesti-lah mahir memandu motor sangkut dan tahu

memperbaiki kerosakkan yang kecil2.

(iv) Pemohon2 daripada Daerah Belait ada-lah lebeh di-utamakan.

### Tugas2 :

Chalon yang terpilih akan ditempatkan di-pejabat Kadzi Daerah Belait dan mesti-lah bersedia untuk menjalankan tugas pergi ka-ulu2 sungai di-Daerah Belait untuk membawa pegawai2 uagama.

### Gaji :

Dalam sukatan gaji \$152x3-158-160-180x4-200 sa-bulan.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 22 April, 1964.

# PERLUMBAAN MERENTAS DESA SEKOLAH2 MELAYU SA-NEGERI BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Sekolah Melayu Sengkurong telah berjaya menjadi johan Pasokan "A" di-temasha Perlumbaan Akhir Merentas Desa Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Bandar Brunei sejauh kira2 tiga batu pada petang hari Sabtu 11 April.

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pula telah berhasil memperolehi gelaran johan Pasokan "B" di-temasha perlumbaan tersebut.

Dalam Perlumbaan Merentas Desa Pasokan "A" Bahagian Persaorangan Timbang bin Tahamit dari Sekolah Melayu Sengkurong telah menjadi johan. Masa-nya ia-lah 23 minit, 23 sa'at.

Awang Dayang bin Mohamed Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching telah berhasil menjadi johan Pasokan "B", Bahagian Persaorangan di-temasha tersebut. Masa-nya ia-lah 23 minit, 43 sa'at.

Perlumbaan Pasokan "A" di-mulai pada pukul 4 petang dari kawasan Tongkadeh, manakala perlumbaan Pasokan "B" pula di-mulai pada pukul 4.10 minit. Semua-nya 60 orang peserta2 telah mengambil bahagian dalam perlumbaan2 tersebut.

Pasokan2 yang menjadi johan dalam Perlumbaan Merentas Desa di-Bahagian masing2 telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut, ia-itu seperti di-bawah ini:

Pasokan "A": Bahagian Belait — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Bahagian Tutong — Sekolah Melayu Muda Hashim. Bahagian Brunei II — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

## TINJU: Brunei Melawan Sabah

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan Tinju di-antara ahli2 tinju dari Negeri Brunei dengan ahli2 tinju dari Sabah akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 18 April mulai dari pukul 8.00 malam.

Semua-nya 12 perlawanan akan di-adakan dan tiap2 perlawanan ia-lah sa-banyak tiga pusingan.

Sekolah Melayu Sengkurong. Bahagian Brunei I — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan Bahagian Temburong — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Pasokan "B": Bahagian Belait — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. Bahagian Tutong — Sekolah Melayu Sinaut. Bahagian Brunei II — Sekolah Melayu Sungai Hanching. Bahagian Brunei I — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan Bahagian Temburong — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Keputusan perlumbaan tersebut antara Pasokan2 ada-lah seperti di-bawah ini:

**PASOKAN "A":** Johan — Sekolah Melayu Sengkurong — 47 mata. Naib Johan — Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong — 96 mata. Pemenang Ketiga — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria — 100 mata. Pemenang Keempat — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei — 102 mata dan Pemenang Kelima — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar — 150 mata.

**PASOKAN "B":** Johan — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei — 229 mata. Naib Johan — Sekolah Melayu Sungai Hanching — 253 mata. Pemenang Ketiga — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria — 264 mata. Pemenang Keempat — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar — 294 mata dan Pemenang Kelima — Sekolah Melayu Sinaut — 295 mata.

Keputusan perlumbaan tersebut, bahagian persaorangan adalah seperti berikut:

**PASOKAN "A":** Johan — Timbang bin Tahamit. Naib Johan — Lingkok bin Ahad dan Pemenang Ketiga — Tahamit bin

Paman — semua-nya dari Sekolah Melayu Sengkurong.


**PASOKAN "B":** Johan — Awang Dayang bin Mohamed Jair dari Sekolah Melayu Sungai Hanching. Naib Johan — Awangku Yaakub bin Pengiran Tuah dari Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar dan Pemenang Ketiga — Osman bin Ismail dari Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Satu majlis menyampaikan hadiah telah di-adakan di-Padang Tongkadeh sa-lepas selesai perlumbaan tersebut.

Hadih2 itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Bahar ibni Almarhum Pengiran Shahbandar Anak Hashim.

Terlebeh dahulu ucapan2 yang berharga telah di-lafazkan di-majlis tersebut oleh Awang Mohamed Husain bin Zainal bagi pehak Pengurus Perlumbaan Merentas Desa Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei. Kemudian YB. Pengiran Bahar telah di-jemput memberi ucapan dan di-turutu dengan ucapan oleh Awang Hashim bin Haji Tahir, bagi pehak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Temasha tersebut di-akhiri dengan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.



Satu pemandangan di-temasha Perlumbaan Merentas Desa Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada petang 28 Mach yang lalu.

## PERLUMBAAN BASIKAL

**SERIA.** — Perlumbaan Basikal anjoran Kelab Belia Seria yang di-jadualkan hendak di-adakan di-Kawasan Sekan Seria pada hari Ahad 12 April telah di-tanggohkan hingga ka-hari Ahad 19 April.

Perlumbaan2 pemilehan akan di-adakan pada 19 April, manakala perlumbaan2 akhir akan di-adakan pada 26 April.

## PERTANDINGAN BOLA SEPAK JABATAN2 KERAJAAN

Pertandingan Bola Sepak Antara Jabatan2 Kerajaan mulai dari 15 April hingga ka-penghujung bulan ini ada-lah seperti berikut:—

PASOKAN "A"			
Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
15 April	Jabatan2 Kerajaan Tutong melawan Jabatan Perubatan	Pengiran Haji Puteh	Pulis Jabatan Perubatan
16 April	Pentadbiran melawan Jabatan Hal Ehwal Ugama	Frankie Ho	Jabatan Hal Ehwal Ugama
22 April	Pulis melawan Jabatan Pelajaran	Awang Hussin Sarjan	Jabatan Pelajaran
23 April	Jabatan Hal Ehwal Ugama melawan Jabatan Kerja Raya	Engleman	
29 April	Jabatan Siaran Radio dan Penerangan melawan Pentadbiran	Frankie Ho	Pulis Jabatan Siaran Radio dan Penerangan
30 April	Jabatan Perubatan melawan Pulis	Pengiran Haji Puteh	
PASOKAN "B"			
Tarikh	Perlawanan	Pengadil	Penjaga Tepi
18 April	Jabatan Pertanian melawan Telecpas	A. Zaidi Taha	Jabatan Pelajaran
20 April	Jabatan Ukor melawan Perubatan	A.P. Karim	Jabatan Ukor
21 April	Jabatan Kerja Raya melawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan	A. Sharbini	Jabatan Perubatan
27 April	Pulis melawan Jabatan Istana	A. Zaidi Taha	Telecpas
28 April	Jabatan Kastam dan Laut melawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan	A. P. Karim	Pulis

Pertandingan bola sepak tersebut di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei dan di-mulai pada pukul 5 petang hari2 yang berkenaan.



Gambar ini di-ambil di-kawasan Tongkadeh pada petang 28 Mach yang lalu pada masa peserta2 yang mengambil bahagian dalam Perlumbaan Merentas Desa Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II mulai berlumba.

## Penerangan Mengenai Lantekan Penghulu2

KUALA BELAIT.—Dua perkumpulan bagi penduduk2 di-kawasan2 Kuala Belait dan Seria telah di-adakan berasingan untuk mendengar penerangan2 mengenai pelantekan dua orang penghulu di-kawasan2 tersebut, oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, pada 11 April lepas.

Satu lagi perkumpulan bagi penduduk2 di-Kampung Sungai Teraban ada-lah di-jangka akan di-adakan atas tujuan yang sama bagi memilih sa-orang ketua di-kampung itu.

Dalam memberi penerangan, Pengiran Momin memberi tahu penduduk2 di-kawasan2 itu supaya berhati2 memilih orang yang benar2 layak dan menurut dasar kerajaan akan menjadi

penghulu2 mereka.

Bakal penghulu itu, kata beliau sa-lanjut-nya, hendak-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan yang tidak terikat oleh mana2 pergerakan atau kumpulan. Andai-nya sa-saorang yang tidak dapat mengawal anak-nya sendiri, sudah tentu-lah orang ini tidak upaya untuk mengawal atau menjaga orang lain, tegas beliau.

Kemudian penerangan2 lanjut mengenai kelayakan sa-saorang yang akan di-chalunkan menjadi penghulu, saperti tingkatan umur dan kebolehan, sa-terus-nya diterangkan dalam perjumpaan2 itu.

Perjumpaan2 telah di-adakan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin bagi penduduk2 Kuala Belait dan di-Mahkamah Seria bagi penduduk2 di-Seria.

### PERJUMPAAN GURU2 BESAR

KUALA BELAIT—Satu majlis perjumpaan guru2 besar dan penolong guru2 besar Sekolah2 Melayu di-kawasan Daerah2 Belait dan Tutong telah di-adakan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin kelmarin.

Perjumpaan tersebut telah di-buka dengan rasminya oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes, dan telah di-hadhiri oleh beberapa orang pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran dari ibu kota.

### BALEK DARI MEKAH

KUALA LUMPUR. — Jema'ah2 Haji dari Malaysia dan Brunei yang telah berangkat dengan kapal terbang ka-Jeddah dalam perjalanan ka-Tanah Suchi untuk menunaikan fardhu Haji telah selamat sampai di-

Jeddah pada tengah hari 8 April. Jema'ah2 Haji tersebut di-jadualkan berangkat balek dari Jeddah ka-Kuala Lumpur pada tengah hari 2 Mei dan tiba di-Lapangan Terbang Kuala Lumpur pada petang 3 Mei.

### PERJUMPAAN GURU2 UGAMA DAERAH TUTONG



Gambar ramai para hadirin di-majlis pembukaan rasmi perjumpaan Guru2 UGAMA Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di-Sekolah UGAMA Sengkurong pada 4 April, 1964.

## KONGRES DEWAN BELIA ANTARA BANGSA

PULAU PINANG. — Gabnor Pulau Pinang, Yang Terutama Raja Tun Uda Al-Haj akan merasmikan pembukaan Kongres Dewan Belia Antara Bangsa di-Pulau Pinang pada hari Selasa 28 April, 1964.

Kongres tersebut akan di-adakan di-Dewan Sekolah Inggeris Saint Xaviers, Pulau Pinang mu-

lai dari hari tersebut hingga ka-hari Sabtu 2 Mei, 1964.

Lebeh dari 150 wakil2 dari beberapa buah negara akan hadir di-Kongres tersebut. Di-antaranya ia-lah dari Malaysia, Brunei, Australia, New Zealand, Pakistan, Negeri Jepun, Vietnam Selatan, Formosa, Hong Kong dan dari lain2 negeri.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa wakil2 dari Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Brunei yang akan menghadrhiri Kongres Dewan Belia Antara Bangsa itu ia-lah Awang Ong Kim Kee, Awang Patrick Sim Song Juay, Awang Mohammed Zain Ariff bin Haji Ahmed Ariff dan Awang P. Raja.

# KERJA-KERJA KOSONG

## TUKANG MASAK DI-JABATAN BOMBA BRUNEI

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat dan mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memohon jawatan sa-bagai Tukang Masak dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji: Dalam tingkatan gaji

\$180x4—\$200 sa-bulan.

Pakaian seragam Mess Bomba akan di-beri perchuma.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan yang tersebut di-bawah ini sahaja yang di-kehendaki memohon:—

(a) Umor—di-antara 30 tahun hingga 45 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang baik dalam urusan masak memasak di-Mess/Kantin2 atau di-Kedai Makan.

(c) Chalon2 mesti-lah berbangsa Melayu.

Tugas2 :

Memasak dan menyediakan

makanan, minuman2 ringan dan sa-bagai-nya di-Mess Ahli2 Bomba tiap2 hari saperti berikut:—

1. Sarapan pagi — dari pukul 8 pagi hingga 9 pagi.

2. Makan tengah hari — dari pukul 12.30 tengah hari hingga 1.30 petang.

3. Makan petang dari pukul 6 petang hingga 8 malam.

Tambahan kepada tugas-nya sa-bagai Tukang Masak, ia di-kehendaki berada pada jam2 yang tersebut di-atas, lengkap dengan pakaian seragam untuk melayani Ahli2 Bomba bagi menghidangkan makanan pada masa2 yang tersebut tadi sa-hingga selesai-nya pekerjaan itu dengan memuaskan, serta juga menyimpan dan menjaga kebersihan Mess/Kantin dan Dapur Perkhidmatan Bomba sa-panjang masa.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 April, 1964.

## Pembantu Makmal Dan Operator Talipon

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D. Y. M. M. Sultan untuk memohon jawatan2 yang tersebut di-bawah. Hanya chalon2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah yang di-kehendaki sahaja perlu memohon.

Kelayakan2 :

Pembantu Makmal — 3 jawatan kosong.

Kelayakan2 yang di-kehendaki untuk jawatan ini ia-lah sekurang2-nya lulus Sijil Brunei "Junior" atau Sijil Pelajaran

Rendah (L.C.E.)

Operator Talipon — 1 jawatan kosong.

Chalon2 mesti-lah orang Melayu, lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu dan Form II Sekolah Inggeris.

Sukatan2 Gaji :

Pembantu Makmal — dalam sukatan gaji \$211-220x10-260-280-290x20-370-380x20-560 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan2.

Operator Talipon — dalam sukatan gaji \$183x7-211-220x10-260-280-290-300 sa-bulan.

Pemohonan2 daripada pega-

wai2 Kerajaan, hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 April, 1964.